

Nasib nelayan darat Sungai Muar

Sumber rezeki terjejas, hasil sungai berkurangan 90 peratus akibat sungai tercemar

GEMAS – Dikejar ular tiang, terlihat anak buaya terdampar dan ada ketikanya diberi 'rezeki' melihat makhluk dari alam lain, sudah menjadi asam garam kisah nelayan darat di perkampungan Londah, di sini, sejak puluhan tahun lalu.

Bagaimanapun, nelayan ini tidak pernah pula menjadi mangsa patukan ular mahupun mangsa terkaman buaya lebih-lebih lagi buaya di sungai itu seakan tidak mahu dilihat penduduk dan segera masuk ke dalam sungai.

Tidak kurang mendakwa melihat sebiji mata sebesar saiz lampu kereta api di kuala sungai iaitu di pertembungan antara Sungai Muar dan Sungai Gemenchah dan segera berpatah balik bagi menyelamatkan diri.

Nampak objek mata sebelah

Menurut Zainundin Khamis, 52, kejadian dialaminya pada 2006 ketika dia seorang diri mendayung perahu mencari hasil sungai kira-kira jam 12 tengah malam.

"Ketika itu, hasil ikan di sungai ini masih lumayan dan tangkapan pada waktu malam pasti tidak mengecewakan.

"Dari jauh, saya sudah nampak objek tinggi seperti biji mata sebelah. Makin dekat saya ke kuala, semakin rendah pula mata itu. Saya terasa bahang panas daripada objek itu dan bergegas berpatah balik. Pakai perahu mendayung berpeluh-peluh saya berpatah balik," katanya.

Menurutnya, dia kini tidak lagi terjumpa dengan cerita-cerita seperti itu termasuk dikejar ular tiang yang gemar mengejar cahaya waktu malam kerana hasil sungai sudah berkurangan sebanyak 90 peratus.



Dari kiri: Ahmad, Zainundin dan Razali masih menjadikan hasil Sungai Muar sebagai punca pencarian.

"10 tahun dulu keluar mencari rezeki pada waktu malam pasti akan dapat hasil lumayan, kini kita tidak mahu pulang dengan hasil mengecewakan dan hanya mencari hasil sungai waktu pagi dan petang sahaja.

"Jika dahulu, tidak sampai sebulan kita sudah berjaya mendapat hasil jualan ikan tenggalan, haruan ubi, kaloi dan lain-lain lagi sebanyak RM4,000. Kini, hasil makin kurang akibat sungai tercemar.

Tradisi sekampung turun ke sungai semakin dilupakan

Bagi Razali Ramli, 42, nelayan dan kerja kampung sebatian dengan kehidupannya lebih-lebih lagi di perkampungan itu pernah terdapat tradisi sekampung turun ke sungai semasa musim anak-anak ikan berpindah dari hulu ke hilir.

"Masa tu berjuta-juta ikan mungkus berpindah dari kawasan hulu iaitu dari Kampung

Awat, Segamat ke arah perkampungan ini. Tak terfikir masa tu sampai penduduk bawa baldi untuk tangkap anak ikan dan buat ikan bilis atau digoreng.

"Dulu boleh dapat 12 baldi penuh berisi ikan mungkus, ikan putih. Kini, susulan pencemaran sungai musim berjuta-juta anak ikan berpindah ni sudah tidak dapat dilihat generasi muda," katanya.

Menurutnya, sungai itu masih menjadi punca mata pencarian dirinya dan lima lagi nelayan darat lain.

"Walaupun tradisi ini dah tak meriah macam dulu, tapi kita sebagai nelayan sering peka dengan bulan Islam memandangkan ikan seperti ikan tenggalan akan banyak hasilnya semasa menghampiri bulan Ramadan sehinggalah Zulhijah," katanya.

Monyet pula masuk lukah

Razali juga bercerita mengenai pengalaman lucunya ketika ingin

Nasib nelayan darat 10 tahun akan datang

Menurut Ahmad Ujang, 56, digelar ketua oleh lima lagi Nelayan Darat di Kampung Londah, di sepanjang Sungai Muar di kampung itu dianggarkan sejauh 10 kilometer, terdapat lebih 10 kawasan menjadi lokasi anak buaya bersidai.

"Di sini kita hanya lihat anak-anak buaya sahaja bersantai tetapi sebaik di hampiri, anak buaya akan segera masuk ke dalam sungai. Tak sempat langsung nak rakam, tak macam di Sungai Timun, Lubok China, ada buaya berenang bersebelahan bot nelayan.

"Kita sudah serasi hidup hasil dari sungai ini. Arwah ayah saya juga dulunya digelar 'Lobai Ikan', ada penduduk lain terdahulu sebelum ini digelar 'antu ikan' kerana gemar turun ke sungai mencari ikan.

"Dulu kat rumah dah boleh siap-siapkan bahan nak masak, mesti akan ada hasil dari sungai. Tak tahulah jika 10 tahun akan datang, bagaimana nasib sungai ini. Kita pun dah anggarkan hasil sungai sudah berkurangan sebanyak 90 peratus.

"Oleh itu, Jabatan Perikanan dan Jabatan Pengairan dan Saliran harus mengambil pendekatan memastikan hidupan di sungai ini terus dapat membiak dengan baik," katanya.

Pelihara sungai dari tercemar

Ahmad berkata, sejak dua bulan lalu, enam nelayan di perkampungan itu termasuk dirinya dan dua lagi nelayan di Kampung Pasir Besar menerima bantuan sara diri bulanan daripada Jabatan Perikanan selaku nelayan darat.

"Bagaimanapun, apa yang lebih kita mahu ialah sungai ini akan terus terjamin daripada sebarang bentuk pencemaran dan tradisi nelayan di sini akan dapat diteruskan generasi akan datang.

"Hasil sungai ini sebenarnya sudah mempunyai pelanggan tetapnya tersendiri terutamanya pengusaha kedai makan Cina. Ikan haruan ubi, jika beratnya seekor satu kilogram boleh dijual RM80.

"Jika seekor haruan ubi mencecah berat dua kilogram, setiap sekilogram boleh dijual RM90 sekilo. Begitulah seterusnya berat tiga kilogram seekor, boleh dijual RM100 sekilo.

"Ini memang harga yang dah ditetapkan. Orang Melayu pula gemar ikan tenggalan juga mempunyai harga tinggi," katanya.



melihat hasil sungai di dalam lukah dipasangnya bersaiz empat kaki tinggi (1.2 meter) dan 20 kaki (6 meter), pada sebelah pagi apabila kira-kira 20 monyet terperangkap dalam lukah berkenaan.

"Pada masa itu, air sungai cetek dan entah macam mana monyet termasuk serta terperangkap dalam lukah dipasang. Sudahnya sebaik dibuka pintu lukah berpusu-pusu monyet keluar, lima monyet pula mati lemas.



Penduduk memegang hasil Sungai Muar iaitu ikan kaloi dan ikan belida.



Lukah, sejenis alat dipasang nelayan darat di Sungai Muar untuk mendapatkan ikan.



Ahmad menunjukkan ikan tenggalan.